

PM arah Proton jelaskan sebab VW tamatkan perkongsian

Oleh HATA WAHARI *UM-14/1/2006*

SUBANG 13 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Proton Holdings Berhad (Proton) mengeluarkan kenyataan menjelaskan sebab-sebab pengeluaran kereta Jerman, Volkswagen AG (VW) menamatkan perkongsian strategik yang dijalin dengan pengeluaran kereta nasional itu.

Perdana Menteri berkata, Proton telah memberikan maklumat kepada beliau apa yang berlaku menyebabkan perkongsian strategik itu ditamatkan.

“Proton telah memberikan maklumat kepada saya bagaimana perkongsian strategik itu ditamatkan dan telah meminta syarikat tersebut mengeluarkan kenyataan sebab-sebab perkara itu berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini hari ini, sekembalinya dari mesyuarat tahunan dua hala dengan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono di Bukit Tinggi, Padang.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Ketua Eksekutif VW, Bernd Pischetsrieder yang bercakap pada satu persidangan penganalisis di Detroit Motor Show semalam yang menyatakan perkongsian itu digurkan kerana pihaknya dan pemilik Proton, termasuk Kerajaan Malaysia, tidak bersepakat dalam beberapa perkara.

Pischetsrieder dilaporkan berkata, VW mempunyai beberapa idea spesifik mengenai bagaimana mahu bergerak dari situ (selepas memeterai perjanjian perkongsian strategik).

Menurutnya, malangnya, Kerajaan Malaysia dan Proton mempunyai idea yang lain, jadi apa yang VW rancang tidak menjadi kenyataan.

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak mahu membuat sebarang ulasan lanjut sebelum Proton mengeluarkan kenyataan.

Katanya, beliau lebih suka Proton mengeluarkan kenyataan terlebih dahulu.

PM arah Proton jelas sebab VW tamatkan perkongsian

VW dan Proton telah mengumumkan satu perkongsian strategik pada pertengahan tahun 2004 dengan rancangan untuk memulakan pemasangan kereta-kereta keluaran syarikat Jerman itu menjelang akhir tahun lalu.

Syarikat pelaburan milik Kerajaan Malaysia, Khazanah Nasional Bhd., memiliki 42.7 peratus kepentingan

dalam Proton.

Pada 30 Disember lalu, VW dilaporkan telah menggugurkan hasrat untuk menguasai pegangan saham utama dalam Proton bagi menyelesaikan rundingannya secepat mungkin.

Rundingan antara kedua-dua pihak sebelum itu dikatakan menemui jalan buntu berikutan tindakan VW yang mendesak untuk mendapatkan

pegangan saham besar dalam Proton sedangkan kerajaan tidak mahu melepaskan terlalu banyak kepentingan untuk dikuasai oleh pelabur asing.

Kira-kira 18.27 peratus kepentingan Proton, yang dianggap sebagai syarikat strategik negara, telah sedia dikuasai oleh pelabur asing termasuk dari Singapura.